**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua**
**Sidang 1992/93**

**April, 1993**

# ATP301 - PERAKAUNAN PENGURUSAN

**Masa: [3 jam]**

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini

Jawab LAPAN soalan. Soalan daripada Bahagian A adalah wajib. Jawab DUA soalan daripada Bahagian B.

**Bahagian A (WAJIB)**

1. (a) Syarikat Krause mengeluarkan sejenis produk dengan kos piawai yang berikut:

| | |
|---|---|
| Bahan mentah (20 meter pada RM1.35/meter) | RM27.00 |
| Buruh langsung (4 jam pada RM9/jam) | 36.00 |
| Kos overhed kilang berubah (RM5/jam buruh) | 20.00 |
| Jumlah kos piawai berubah seunit output | RM83.00 |
| Jumlah belanjawan overhed tetap sebulan | RM6,000 |

Maklumat berikut adalah untuk bulan Julai 1992:

| | |
|---|---|
| Bahan mentah dibeli (18,000 meter pada RM1.38) | RM24,840 |
| Bahan mentah diguna (9,500 meter) | tiada |
| Buruh langsung (2,100 jam pada RM9.15) | RM19,215 |
| Jumlah overhed (tetap RM6,800) | RM16,650 |
| Jumlah kos sebenar | RM60,705 |

500 unit produk telah dikeluarkan pada bulan Julai 1992:

Dikehendaki:

(i) Kirakan kadar piawai overhed berubah sejam buruh langsung.

...2/-

3. (a) Pemilik Kedai Roti Enak, Encik Razlan, merasa runcing akan pencapaian kedainya yang tidak memuaskan untuk tahun 1992. Analisis keuntungan yang berikut telah dibuat olehnya untuk tahun tersebut:

| | | |
|---|---|---|
| Jualan | | RM45,000 |
| Kurang: kos bahan makanan | | RM20,000 |
| Keuntungan kasar | | RM25,000 |
| Kurang: belanja operasi: | | |
| Gaji pekerja | RM12,000 | |
| Kertas | RM 4,000 | |
| Utiliti (diperuntukkan) | RM 3,000 | |
| Susutnilai peralatan kedai | RM 2,500 | |
| Susutnilai bangunan (diperuntukkan) | RM 4,000 | |
| Gaji pengurus kedai (diperuntukkan) | RM 3,000 | |
| Jumlah | | RM28,500 |
| Kerugian | | RM(3,500) |

Sediakan satu kritikan dan pembetulan pada analisis yang dibuat oleh Encik Razlan.

(b) Syarikat Kimia menerima pesanan untuk menyediakan sejenis produk yang tidak selalunya dikeluarkan olehnya. Syarikat mempunyai kapasiti pengeluaran yang berlebihan, oleh itu pihak pengurusan harus menimbang sama ada hendak menerima pesanan ini atau tidak. Untuk mengkaji dan membuat keputusan ini, penolong pengawal telah mengumpulkan beberapa kos yang berkenaan dengan pengeluaran produk tersebut. Pengeluaran pesanan khas ini akan memerlukan 8,000 kilogram theolite. Sekarang ini syarikat tidak menggunakan theolite untuk produk biasanya tetapi ia sudah ada baki 8,000 kilogram bahan ini daripada penggunaan dahulunya dan bahan ini sedang disimpan di dalam gudangnya. Theolite ini boleh dijual kepada pembekal kimia pada harga RM15,000. Nilai buku theolite ialah RM2.00 sekilogram. Syarikat boleh beli theolite ini pada harga RM2.40 sekilogram.

Untuk tujuan membuat keputusan pesanan khas ini, apakah kos yang berkenaan yang perlu dipertimbangkan?

[12 markah]

...4/-

Dikehendaki:

Dengan menggunakan kaedah purata wajaran, kirakan kos menyamai barangan siap seunit untuk bahan mentah dan menukar.

[12 markah]

5. (a) Syarikat Lenox mempunyai 2 jabatan perkhidmatan iaitu jabatan A dan B dan 2 jabatan pengeluaran iaitu $P_1$ dan $P_2$. Kos A diperuntukkan berdasarkan jam buruh dan peruntukankan kos B adalah berasaskan bilangan kaki persegi. Data belanjawan untuk mengira peruntukkan kos adalah seperti berikut:

| | A | B | $P_1$ | $P_2$ |
|---|---|---|---|---|
| Kos langsung | RM96,000 | RM164,000 | RM750,000 | RM500,000 |
| Jam buruh langsung | 2,000 | 8,000 | 24,000 | 16,000 |
| Kaki persegi | 20,000 | 2,000 | 120,000 | 60,000 |

Sediakan jadual untuk memperuntukkan kos jabatan A dan B kepada jabatan $P_1$ dan $P_2$ dengan menggunakan kaedah (i) langsung dan (ii) menurun.

(b) Terangkan kenapa kumpulan kos digunakan untuk memperuntukkan kos tidak langsung. Apakah perkara utama yang perlu dipertimbangkan untuk menubuhkan kumpulan kos?

[12 markah]

6. (a) Syarikat Hijau mula beroperasi pada 1 Januari, 1991. Penyata pendapatan untuk 1991 berasaskan pengkosan serapan adalah seperti berikut:

Syarikat Hijau
Penyata pendapatan
untuk tahun berkahir 31 Disember, 1991

| | | |
|---|---|---|
| Jualan (15,000 unit) | | RM450,000 |
| Kos barang dijual: | | |
| Inventori permulaan | RM 0 | |
| Kos barang diperkilangan (20,000 unit) | RM280,000 | |
| Inventori akhir (5,000 unit) | RM 70,000 | RM210,000 |
| Keuntungan kasar | | RM240,000 |
| Belanja jualan dan pentadbiran | | RM 40,000 |
| Pendapatan bersih | | RM200,000 |

...6/-

__Istilah__

(a) Teknik pengkosan.

(b) Organisasi barang niaga.

(c) Kerja di dalam proses.

(d) Pengkosan serapan untuk laporan luaran.

(e) Kos barang diperkilangkan.

(f) Kumpulan kos.

(g) Kos.

(h) Kos barangan langsung.

(i) Kos tempoh.

(j) Kos menukar.

[10 markah]

8. (a) Apakah perkaitan antara belanjawan dan perancangan dan kawalan?

(b) Apakah kegunaan harga pindahan dan apakah jenis organisasi yang menggunakannya? Apakah masalah yang timbul dengan penggunaannya?

[10 markah]

9. Nyatakan jenis pusat bertanggungjawab untuk setiap unit organisasi yang berikut:

(a) Panggung wayang bagi syarikat yang mengendalikan satu rangkaian panggung wayang.

(b) Setesyen radio yang dimilik oleh sebuah syarikat swasta.

(c) Jabatan tuntutan di dalam syarikat insurans.

(d) Bahagian jualan tiket bagi sistem Penerbangan Malaysia.

(e) Loji pembotolan disebuah syarikat yang mengeluarkan minuman.

(f) Kilang kicap yang beroperasi di bawah sebuah syarikat kicap yang besar.

(g) Fakulti kejuruteraan di sebuah kolej swasta yang besar.

...8/-